NG SENG KIOK & 3 LAGI

lwn.

CHOOI MUN SOU & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[SAMAN PEMULA NO. D6-24-112-92]
6 FEBRUARI 1993

UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN: Pemberhentian rakan kongsi - Pertikaian amaun bahagian keuntungan firma - Pentafsiran surat ikatan perkongsian - Pertikaian sedang dirujuk ke timbangtara - Permohonan perintah mahkamah - Perintah Responden menjamin amaun yang dituntut - Mengenalpasti kuasa Mahkamah - Seksyen 13(6)(f) Akta Timbangtara 1952 - Tafsiran Kuasa "... Securing amount in dispute..." menurut Akta Tafsiran - A. 29 K. 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Tafsiran "... specific Fund..." - Samada tuntutan terhadap sesuatu kumpulan wang tertentu.

Pemohon-pemohon yang merupakan bekas rakan kongsi firma peguam Chooi & Co. telah mempertikaikan dengan responden-responden yang merupakan rakan kongsi firma tersebut berkenaan bahagian amaun keuntungan firma yang patut dibayar apabila pemohon-pemohon berhenti menjadi rakan kongsi. Pertikaian tersebut telah dirujuk kepada timbangtara dan pemohon-pemohon kini memohon perintah Mahkamah supaya satu amaun RM729,000 yang didakwa patut dibayar kepada mereka sebagai bahagian keuntungan mereka semasa meninggalkan firma tersebut dijamin oleh responden-responden.

Telah dipersetujui oleh semua pihak bahawa tarikh pemohon-pemohon berhenti ialah pada 31 Mei 1992. Amaun bahagian keuntungan rakan kongsi dan pembayaran kepada rakan kongsi yang berhenti ada diperuntukkan didalam surat ikatan perkongsian dimana tafsiran berkenaan ditentukan oleh timbangtara. Responden menyatakan bahawa amaun yang patut dibayar pada tarikh pemohon-pemohon berhenti hanya dapat ditentukan pada penghujung tahun 1992 dan tidak semestinya jumlah RM729,000 yang diminta jamin itu. Pemohon-pemohon menyandarkan permohonan mereka untuk jaminan itu diatas s. 13(6)(f) Akta Timbangtara 1952 dan A. 29 k. 2 (3) KMT 1980 dimana dikatakan jumlah RM729,000 adalah satu jumlah kumpulan wang yang tertentu yang boleh dipohon untuk Mahkamah memerintahkan dijamin oleh responden-responden.

Diputuskan:

[1] Memandangkan kemungkinan jumlah bahagian keuntungan pemohon-pemohon bukan RM729,000 maka jumlah yang dituntut bukanlah satu "fund" dapat dikenalpasti. Aturan 29 kaedah 2(3) KMT 1980 yang dikatakan memberi Mahkamah kuasa membuat perintah seperti dipohon oleh pemohon-pemohon memerlukan "fund" yang dipertikaikan dikenalpasti bagi perintah berkenaan dibuat.

[2] Pertikaian di antara pemohon-pemohon dan responden-responden bukanlah tentang siapakah yang berhak kepada sesuatu tabung tertentu sebanyak RM729,000 tetapi adalah tuntutan hutang yang dikatakan sebanyak RM729,000 dibawah ikatan perkongsian. Oleh sedemikian A. 29 k. 2(3) KMT 1980 tidak terpakai.

[3] Dengan sedemikian permohonan ditolak dengan kos.

[Permohonan pemohon-pemohon ditolak dengan kos].

Akta-akta yang dirujuk:
Akta Timbangtara 1952, s. 13(6)(f)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Aturan 29 kaedah 2(1), (3)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Concise Oxford Dictionary
The Law and Practice of Commercial Arbitration in England, Mustill & Boyd, Edisi Kedua, m.s. 332

Bagi pihak pemohon-pemohon - R.R. Sethu; T/n. R.R. Sethu
Bagi pihak responden-responden - Lim Kean Chye (Christopher Leong bersama beliau); T/n. Chooi & Company

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:
Pemohon-pemohon dalam saman pemula ini adalah empat orang bekas rakan kongsi firma peguam Chooi & Company, manakala responden-responden adalah tiga orang rakan kongsi firma itu.

Firma itu telah ditubuhkan oleh responden pertama, Chooi Mun Sou, pada 1 Disember 1962. Pada setiap masa yang material, Chooi adalah rakan kongsi pengurus (**managing partner**) firma itu.

Firma itu telah berjalan tanpa apa-apa surat ikatan perkongsian (**partnership deed**) sehingga 24 Oktober 1991, apabila pemohon yang empat dan responden yang tiga itu menandatangani suatu surat ikatan perkongsian.

Pada akhir-akhir tahun 1991, perselisihan telah timbul di antara pemohon-pemohon dan Chooi daripada cadangan Chooi tentang pengambilan rakan-rakan kongsi baru. Menurut fasal 2.2(c) surat ikatan perkongsian itu, pengambilan rakan kongsi baru memerlukan persetujuan semua rakan kongsi.

Pada 27 Januari 1992, atas sebab-sebab yang ada kena-mengena dengan perselisihan itu, Chooi menulis surat kepada rakan-rakan kongsi yang lain untuk memberitahu kepada mereka akan keputusannya hendak meninggalkan firma itu selewat-lewatnya pada 31 Ogos 1992, setelah dia selesai menjalankan penyusunan semula pengurusan firma itu. Dalam suratnya Chooi berkata dia kelak akan memberi notis persaraan yang formal selama tiga bulan sebagaimana dikehendaki oleh fasal 15.2 surat ikatan perkongsian itu - untuk bersara pada 31 Ogos 1992, atau lebih awal daripada itu jika penyusunan semula pengurusan firma itu dapat dicapai lebih awal.

Pada 3 Mac 1992 pemohon-pemohon pula telah memberi notis tiga bulan untuk meninggalkan firma itu. Perenggan 7 afidavit penyokong saman pemula ini yang diikrarkan oleh pemohon pertama, Ng Seng Kiok, pada 28 Mei 1992 berkata pemohon-pemohon bertindak demikian "memandangkan ianya jelas bahawa (Chooi) telah bertindak dalam suatu cara yang mana menunjukkan bahawa beliau tidak bertujuan untuk menunaikan peruntukan Suratikatan tersebut".Afidavit itu tidak menjelaskan apakah alasan bagi dakwaan itu.

Kedua-dua pihak bersetuju bahawa, untuk memudahkan perkiraan, tarikh pemberhentian pemohon-pemohon bagi maksud-maksud surat ikatan perkongsian itu ialah 31 Mei 1992.

a Fasal 4.4 surat ikatan perkongsian itu memperuntukkan seperti berikut:

> The books and accounts of the Partnership shall have statements showing the share of profit or loss attributable to each of the Partners (both on cash and accrual basis), position of each Partner with respect to their
b current account balances.

Fasal 13.2 surat ikatan perkongsian itu memperuntukkan seperti berikut:

> Subject to Clause 12 aforesaid, each Partner shall be entitled to draw against his anticipated share of profits for the year
c (based on a cash basis results only) in quarterly instalments or other regular intervals in accordance with a plan proposed by the Managing Partner and approved by the Partners which shall be decided by a two-thirds majority vote of the Partners.

d Fasal 16.2(a) surat ikatan perkongsian itu memperuntukkan seperti berikut:

> Upon cessation from the Partnership the Outgoing Partner or his personal representative shall receive a repayment of the amount standing to the credit of the current account of the Partner.

e Pertikaian telah berbangkit di antara pemohon-pemohon dan Chooi tentang amaun bahagian keuntungan firma yang patut dibayar kepada pemohon-pemohon apabila mereka berhenti daripada menjadi rakan kongsi firma itu pada 31 Mei 1992. Mereka
f menuntut RM729,000. Chooi tidak bersetuju.

Pada 27 Mei 1992 kedua-dua pihak bersetuju untuk merujuk pertikaian itu kepada timbangtara.

Pada 28 Mei 1992 pemohon-pemohon memfailkan saman pemula ini. Tentang perintah-
g perintah yang dipohon melaluinya, apa yang relevan sekarang ialah perintah supaya responden-responden menjamin amaun sebanyak RM729,000 yang dituntut itu sama ada dengan melaburkan jumlah itu dalam simpanan tetap dalam sebuah bank dalam
h nama-nama bersama Ng dan Chooi atau dengan responden-responden memberi gerenti bank bagi manfaat pemohon-pemohon untuk pembayaran amaun itu dengan faedah 8% setahun - yang mana akan dibayar sebagaimana diarahkan oleh award penimbangtara atau, jika tiada award penim-
i bangtara, oleh perintah Mahkamah.

Pada 29 Mei 1992, Anuar H., secara *ex parte*, telah memerintahkan supaya amaun sebanyak RM729,000 itu dijamin sebagaimana yang dipohon itu sehingga saman pemula ini didengar *inter partes*. Beliau juga memerintahkan supaya saman pemula ini didengar *inter partes* pada 15 Jun 1992.

Pada 15 Jun 1992 saman pemula ini telah dipanggil di hadapan Anuar H., tetapi telah ditangguhkan. Akhirnya ia didengar *inter partes* oleh saya pada 28 Disember 1992. Pada hari itu saya diberitahu oleh Encik R.R. Sethu, Peguam bagi pemohon-pemohon, bahawa pada 15 Jun 1992 Anuar H. telah menggantung perintah *ex parte* yang dibuat pada 29 Mei 1992 itu. Oleh kerana perintah 29 Mei 1992 itu memerintahkan supaya amaun itu dijamin sehingga saman pemula ini didengar *inter partes*, pada fahaman saya keputusan yang saya perlu membuat ialah sama ada membenarkan atau menolak perintah yang dipohon itu, dan perintah 29 Mei 1992 itu - yang, bagaimanapun, telah digantung pelaksanaannya - akan luput dengan sendirinya apabila saya membuat keputusan saya.

Penyelesaian pertikaian itu dalam timbangtara kelak akan bergantung kepada pentafsiran fasal-fasal yang berkenaan dalam surat ikatan perkongsian itu, misalnya fasal 4.4, 13.2 dan 16.2(a) yang saya telah baca tadi.

Pendirian asas masing-masing pihak tentang pokok pertikaian itu dapat dilihat dari afidavit penyokong saman pemula yang tersebut tadi dan afidavit Chooi yang diikrarkan pada 12 Jun 1992. Saya akan membentangkan dengan cara saya sendiri apakah yang saya mendapat faham sebagai pendirian masing-masing dari dua afidavit itu.

Adalah dipersetujui bahawa akaun-akaun firma itu menunjukkan keuntungan sebanyak RM1,734,776.84 dalam suku tahun pertama 1992 yang berakhir pada 31 Mac 1992.

Pada 21 Mei 1992 keputusan telah dibuat untuk mengagih kepada semua rakan kongsi sejumlah RM300,000 sebagai pendahuluan suku tahun pertama daripada bahagian keuntungan yang dijangka bagi mereka bagi tahun 1992. Pemohon-pemohon telah menerima sejumlah RM121,500, iaitu 40.5 persen, daripada jumlah RM300,000 itu. Saya menganggap bahawa 40.5 persen ialah nisbah jumlah kepentingan pemohon-pemohon. Pemohon-pemohon mendakwa bahawa keputusan itu telah dibuat dalam satu perbincangan tidak formal pada 21 Mei 1992 di mana pemohon-pemohon mendesak supaya sejumlah RM1,700,000 diagihkan sebagai pandahuluan keuntungan bagi suku tahun pertama itu menurut fasal 13.2. Menurut pemohon-pemohon, mereka bersetuju menerima agihan sebanyak RM300,000 itu atas kepercayaan kepada kata-kata Chooi bahawa pengagihan itu adalah pendahuluan yang tertakluk kepada perbincangan selanjutnya tentang bayaran selebihnya.

Selain daripada bahagian keuntungan mereka bagi suku tahun pertama, pemohon-pemohon juga menuntut bahagian keuntungan mereka bagi bulan April dan Mei 1992. Pada fahaman saya, apa yang mereka telah lakukan ialah mengambil baki keuntungan dalam suku tahun pertama, setelah ditolak RM300,000 yang telah diagihkan itu, dan mencampurkan baki itu dengan keuntungan yang diterima, atau dijangka diterima, dalam bulan April dan Mei 1992, dengan itu menghasilkan angka RM1,800,000. Daripada angka itu, mereka menuntut 40.5 persen, yang berjumlah RM729,000, sebagai bahagian mereka daripada keuntungan sehingga 31 Mei 1992. Mereka mendakwa bahawa amaun itu hendaklah dianggap sebagai telah dikreditkan ke dalam akaun semasa mereka pada 31 Mei 1992 dan patut dibayar kepada mereka menurut fasal 16.2(a) surat ikatan perkongsian itu apabila mereka meninggalkan firma itu pada tarikh itu.

Pendirian Chooi tentang pengagihan amaun RM300,000 itu ialah bahawa setakat itulah sahaja kelayakan rakan-rakan kongsi tentang bayaran pendahuluan suku tahun pertama dari bahagian keuntungan yang dijangka untuk mereka bagi keseluruhan tahun 1992. Dia berkata bahawa, di bawah fasal 13.2, bayaran pendahuluan hendaklah dibuat menurut suatu rancangan yang dicadangkan olehnya dan diluluskan oleh undi 2/3 rakan-rakan kongsi. Dia berkata bahawa bayaran RM300,000 itu adalah menurut suatu rancangan yang dicadangkan olehnya dan diluluskan oleh rakan-rakan kongsi, kecuali responden ketiga yang tidak hadir, pada 21 Mei 1992. Dia menegaskan bahawa apa yang berlaku pada 21 Mei 1992 adalah suatu

mesyuarat rakan-rakan kongsi dan dia menafikan bahawa soal bayaran pendahuluan selebihnya bagi suku tahun pertama adalah tertakluk kepada perbincangan selanjutnya.

Chooi menjelaskan bahawa, dalam mencadangkan rancangannya, pada kebiasaannya dia akan meramalkan keuntungan bagi keseluruhan tahun dan tidak akan mencadangkan pembayaran yang besar dalam sesuatu suku tahun, walaupun keuntungan dalam suku tahun itu adalah besar, jika ada kemungkinan perniagaan akan mengalami kemerosotan dalam tempoh selebihnya tahun itu. Kalau tidak begitu, aliran wang tunai (**cash flow**) akan menjadi masalah pada penghujung tahun. Menurutnya, keuntungan sebanyak RM1,734,776.84 dalam suku tahun pertama bukanlah merupakan pendapatan biasa firma itu. Pendapatan yang setinggi itu bagi suku tahun itu adalah akibat daripada peningkatan usaha memungut bayaran bagi kerja yang dilakukan sebelum 31 Disember 1991 dengan tujuan untuk mengelak klien-klien daripada dikenakan cukai perkhidmatan 5% yang akan mula dikenakan pada 1 Januari 1992. Selain itu, satu faktor yang diambil kira ialah bahawa, dengan pemergian pemohon-pemohon dari firma itu dengan dua orang pembantu undang-undang, jangkaan pendapatan vang dikaitkan kepada mereka untuk tempoh Jun hingga Disember 1992, sebagaimana ditunjukkan dalam cadangan belanjawan 1992, tidaklah benar lagi. Tambahan lagi, beban kerja firma itu akan mengalami kejatuhan yang teruk oleh kerana pemohon-pemohon berkata mereka akan membawa bersama mereka kesemua kerja-kerja yang masih belum selesai dan yang akan timbul pada masa hadapan untuk klien-klien yang diurus oleh mereka.

Oleh sebab faktor-faktor itu, menurut Chooi, keperluan aliran wang tunai bagi tahun 1992 membenarkan hanya RM300,000 dibayar dahulu bagi suku tahun pertama daripada keuntungan bagi keseluruhan tahun itu, walaupun pendapatan bagi suku tahun pertama itu ialah RM1,734,776.84. Chooi berkata bahawa, sebagai langkah bijaksana, firma itu sentiasa merizabkan RM600,000 untuk perbelanjaan urusan bagi dua bulan.

Maka pendirian Chooi tentang bayaran pendahuluan di bawah 13.2 surat ikatan perkongsian itu ialah bahawa pemohon-pemohon sudahpun dibayar apa yang sebetulnya patut dibayar di bawah dan menurut fasal itu. Tidak ada pendahuluan lebih besar daripada itu patut dibayar kepada mereka.

Tentang tuntutan pemohon-pemohon di bawah fasal 16.2 surat ikatan perkongsian itu, pendirian Chooi ialah bahawa bayaran-bayaran pendahuluan di bawah fasal 13.2 tidak dikreditkan ke dalam akaun semasa rakan-rakan kongsi. Menurut amalan perakaunan firma-firma, bayaran pendahuluan seperti itu tidak dikreditkan ke dalam akaun rakan-rakan kongsi. Tidak juga menjadi amalan Chooi & Co. untuk berbuat demikian. Hanya pada penghujung tahun kewangan, setelah akaun-akaun firma diauditkan, barulah akaun semasa rakan-rakan kongsi dikreditkan dengan bahagian keuntungan masing-masing. Oleh kerana itu, tidak ada apa-apa keuntungan tahun 1992 yang telah dikreditkan pada 31 Mei 1992 dan tidaklah ada apa-apa keuntungan yang sepatutnya dianggap telah dikreditkan pada tarikh itu. Oleh yang demikian, tidak ada apa-apa yang kena dibayar kepada pemohon-pemohon di bawah fasal 16.2 itu apabila mereka meninggalkan firma itu pada 31 Mei 1992.

Walaupun Chooi tidak ada berkata demikian secara khusus, saya nampak daripada pendiriannya tentang perkara-perkara tertentu yang tersebut tadi bahawa pendirian keseluruhan Chooi ialah bahawa bahagian pemohon-pemohon selebihnya, jika ada, dari keuntungan tahun 1992 akan hanya ditentukan dan dibayar selepas penghujung tahun 1992, apabila keuntungan bagi keseluruhan tahun 1992 ditentukan menurut fasal 16.2(b) surat ikatan perkongsian itu yang berbunyi seperti berikut:

> Upon cessation from the partnership the Outgoing Partner or his personal representative shall within one (1) month after the close of the financial year in which he ceases to be a Partner, receive his undrawn share of profit or bear his share of the loss for the current financial year, calculated by time apportionment up to the Cessation Date.

Amaun yang ditentukan menurut fasal itu, setelah ditolak apa yang telah dibayar secara pendahuluan kepada pemohon-pemohon, adalah amaun yang akan dibayar kepada mereka.

Adalah nyata bahawa, menurut pendirian Chooi, bukan sahaja tidak ada apa-apa amaun lain yang patut dibayar pada 31 Mei 1992, apabila pemohon-pemohon meninggalkan firma itu, tetapi juga bahawa apa-apa amaun selebihnya hanya dapat ditentukan setelah berakhirnya tahun 1992, yang mana, jika ada pun, tidaklah semestinya sebanyak RM729,000 sebagaimana dituntut oleh pemohon-pemohon.

Tentang pendirian siapakah yang betul, itulah yang akan menjadi perkara yang akan ditentukan dalam timbangtara kelak. Jika pendirian Chooilah yang betul, amaun selebihnya yang kena dibayar kepada pemohon-pemohon akan ditentukan dalam timbangtara itu dan amaun itu, jika ada, mungkin kurang daripada RM729,000.

Encik Sethu bagi pemohon-pemohon menyatakan bahawa permohonan untuk perintah jaminan bagi amaun RM729,000 yang dituntut itu adalah dibuat menurut subseksyen (6)(f) s. 13 Akta Timbangtara 1952 (Akta 93) yang berbunyi seperti berikut:

> (6) The High Court shall have, for the purpose of and in relation to a reference, the same power of making orders in respect of -
>
> ...
>
> (f) securing the amount in dispute in the reference;
>
> ...
>
> as it has for the purpose of and in relation to an action or matter in the High Court.

Maka perlulah dikenalpasti apakah kuasa Mahkamah Tinggi untuk membuat perintah tentang "securing the amount in dispute" bagi tindakan atau perkara di Mahkamah Tinggi.

Encik Sethu pada mulanya berkata bahawa beliau bergantung kepada Aturan 29, kaedah 2, perenggan (1) dan (3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Kemudian beliau mengkhususkan pergantungannya kepada perenggan (3) sahaja, yang berbunyi seperti berikut:

> (3) Where the right of any party to a specific fund is in dispute in a cause or matter, the Court may, on the application of a party to the cause or matter, order the fund to be paid into Court or otherwise secured.

Adalah jelas bahawa kuasa di bawah perenggan (3) berbangkit hanya dalam kes di mana hak seseorang terhadap sesuatu **"specific fund"** adalah dipertikaikan, iaitu kes di mana terdapatnya suatu **"specific fund"** dan satu pihak menuntut **"specific fund"** itu dan satu pihak lagi menentang tuntutan itu. Ungkapan **"specific fund"** mempunyai erti tertentu. Ia tidak bererti apa-apa amaun wang sahaja. **Concise Oxford Dictionary** memberi dua makna **"fund"** yang mungkin relevan. Satu makna ialah **"a stock of money, esp. one set apart for a purpose"**. Makna yang satu lagi ialah **"money resources"**, tetapi makna itu terpakai hanya jika perkataan **"fund"** itu digunakan dalam bentuk **plural.** Pada pendapat saya, dalam ungkapan **"specific fund"** itu, makna **"fund"** yang pertama itu mestilah makna yang dimaksudkan, iaitu apa yang dalam Bahasa Malaysia akan diistilahkan sebagai "kumpulan wang", "dana" atau "tabung".

Saya mendapat sokongan bagi pendapat itu dari satu keratan dalam buku **The Law and Practice of Commercial Arbitration in England** oleh Mustill dan Boyd, Edisi Kedua, yang dirujuk oleh Encik Sethu sendiri. Di perenggan (iv) di muka surat 332, terdapat perbincangan tentang kuasa Mahkamah untuk memerintahkan jaminan dalam kes di mana hak sesuatu pihak kepada sesuatu **"specific fund"** adalah dipertikaikan dalam sesuatu rujukan kepada timbangtara. Asas bagi kuasa itu adalah peruntukan-peruntukan yang bersamaan dengan subseksyen (6)(f) s. 13 Akta Timbangtara 1952 dan Aturan 29, kaedah 2, perenggan (3) yang tersebut tadi. Merujuk kepada kuasa itu, pengarang buku itu berkata:

> It will be noted that this power does not enable a party to recover sums on account of damages in advance of the hearing, even if liability is undisputed and it is clear that some monetary award will be made. The power exists only where an identified fund is in dispute as where, for example, it is alleged that the respondent is trustee for the claimant in respect of a specific sum of money.

Menurut pengarang, **"fund"** yang dipertikaikan itu mestilah dikenalpasti. Contoh yang diberi oleh pengarang ialah suatu jumlah wang yang spesifik yang dituntut daripada seseorang sebagai pemegang amanah bagi pihak yang menuntut. Wang yang dipertikaikan itu mestilah terasing sifatnya dan tentu amaunnya.

Dalam kes ini, pertikaiannya bukanlah tentang hak terhadap sesuatu **"specific fund".** Ia bukanlah pertikaian tentang siapakah yang berhak kepada sesuatu tabung tertentu sebanyak RM729,000. Ia adalah semata-mata suatu tuntutan hutang yang dikatakan sebanyak RM729,000 di bawah suatu perjanjian perkongsian, yang mana kewujudan atau amaunnya dipertikaikan oleh responden. Maka perenggan (3) itu tidak terpakai bagi kes ini. Memutuskan sebaliknya akan membawa akibat yang salah pada prinsipnya, iaitu seseorang itu, sudahlah dia menghadapi tuntutan wang yang tidak diakui dan yang mungkin tidak mampu atau sukar hendak dijelaskan sekiranya tuntutan itu berjaya, diperintahkan pula menjamin terlebih dahulu bayaran wang yang dituntut itu.

Kerana sebab-sebab yang saya berikan tadi, saya menolak permohonan ini dengan kos.

PENDAKWA RAYA

lwn.

TUAN MAT BIN TUAN ISMAIL

MAHKAMAH TINGGI, KOTA BHARU
DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-8-1990]
30 JANUARI 1993

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PROSEDUR: Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Samada kata-kata tertuduh semasa ditangkap boleh diterima sebagai keterangan - Pembelaan dipanggil - Tertuduh menafikan pengetahuan kandungan beg yang dibawa - Beg didapati mengandungi dadah seperti dituduhkan - Anggapan statutori berkenaan pengetahuan - Samada anggapan disangkal - Seksyen 37(d), (da)(vi) ADB 1952 - Samada keraguan munasabah ditimbulkan.

Tertuduh telah ditangkap didalam satu hendapan oleh polis dipasar besar Pasir Mas, Kelantan membimbit sebuah beg kertas yang mengandungi dadah cannabis seperti di dalam tuduhan, semasa ditangkap tertuduh telah berkata "Alamak! Bukan saya punya Encik". Pihak pendakwa telah memohon pengataan tersebut oleh tertuduh diterima sebagai keterangan. Olek kerana didapati tertuduh sudah berada didalam tahanan polis pada waktu itu dan tiada amaran diberikan kepadanya sebelum dia mengeluarkan kata-kata itu atau seberapa segera selepas itu maka ianya tidak dapat diterima sebagai keterangan. Walau sedemikian terdapat keterangan *prima facie* bahawa beg berkenaan telah dirampas dari tertuduh dan mengandungi dadah seperti di dalam tuduhan dan beg tersebut dibawah jagaan dan kawalan tertuduh. Tertuduh diminta kemukakan pembelaan.

Tertuduh di dalam pembelaannya menyatakan bahawa beliau berasal dari Thailand dan bekerja di Merapoh Kelantan. Beliau menyatakan bahawa beg kertas yang mengandungi dadah berkenaan telah diberi kepadanya oleh seorang kenalan kerjanya dirumah saudara kenalan itu (SB3) di kampung Kok Kabu Kelantan setelah bermalam dirumah SB3, tertuduh dan kenalannya itu dalam perjalanan bersama untuk pulang ke Merapoh. Kenalannya itu telah memberi beg berkenaan kepada tertuduh semasa hendak pulang ke Merapoh dan menyuruh tertuduh pergi dahulu ke stesen keretapi Pasir Mas dan kenalannya